

16 AUG 1997

Mahathir-rasuah

MAHATHIR ULANGI TEGURAN MENGENAI RASUAH

SANDAKAN, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan para pemimpin negara agar memerangi gejala rasuah dengan setulus hati kerana padah yang sangat buruk menanti jika rasuah menjadi lumrah pada semua peringkat pentadbiran.

"Mana-mana negara yang mengamalkan rasuah akhirnya pasti hancur. Sebab itu hari ini kita mesti memerangi rasuah dan kita mestilah berani mengambil tindakan walaupun terhadap rakan sendiri," katanya pada majlis makan malam anjuran Barisan Nasional (BN) Sandakan di sini hari ini.

Beliau berkata lebih baik mengawal rasuah sekarang kerana apabila rasuah sudah berleluasa sebarang tindakan untuk menghapuskannya akan menjadi buntu kerana semua orang sudah terbabit dengan rasuah.

"Pada masa itu kalau kita cuit satu, maka yang lain akan kena juga, dan kalau kita tangkap yang kecil maka yang lain-lain juga terbabit, dan akhirnya semua orang akan mempertahankan rasuah pula," katanya.

Dr Mahathir yang melawat dua hari ke Sabah bermula hari ini juga secara khusus meminta pemimpin Sabah agar memastikan gejala rasuah dapat dibendung di negeri ini.

Katanya walaupun rasuah di Sabah belum dapat dihapuskan sepenuhnya tetapi sejak BN mengambil tampuk pemerintahan ia telah dapat dikurangkan.

Menurutnya rasuah berlaku dalam pelbagai rupa termasuk tabiat suka melewati-lewatkan kerja di pejabat sehingga ada orang tertentu yang cuba menghulurkan wang (rasuah) agar kerja itu dapat dipercepatkan, dan akhirnya mengakibatkan orang berkenaan mengulangi perbuatannya bagi memastikan sesuatu kerja dipercepatkan.

Dr Mahathir berkata seseorang pekerja yang menggunakan kuasanya untuk kepentingan diri sendiri juga telah melakukan rasuah, dan perkara seperti ini sepatutnya diambil tindakan segera, dan tidak menunggu sehingga ia menjadi tabiat semua orang di jabatan berkenaan.

"Kita hendak bukan sahaja kita bersih tetapi juga kelihatan sebagai bersih. Tidak memadai dengan menjadi bersih sahaja tetapi kita mesti lebih bersih daripada yang bersih," katanya.

Katanya negara yang penuh dengan rasuah bukan sahaja tidak dihormati orang malahan tiada siapa yang ingin untuk berurusan dengannya.

Perdana Menteri berkata rakyat negara ini harus belajar menerima hakikat bahawa kepuasan bekerja bukan semata-mata diukur dengan wang ringgit tetapi juga hasil pencapaian sesuatu kerja itu.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat. -- BERNAMA

KG AHH